

D.R. 24/2016

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN ANUGERAH 2016

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

ANUGERAH YANG DI-PERTUAN AGONG

3. Menerima dan menggunakan anugerah tidak diiktiraf
4. Menghadiri, dsb., istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf
5. Membuat, dsb., lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf
6. Membuat, dsb., alat untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf
7. Memiliki alat atau benda bagi maksud menggunakannya untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf
8. Menyatakan diri sebagai pemegang anugerah Yang di-Pertuan Agong
9. Menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dibatalkan atau yang ditarik balik
10. Menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong bilamana tidak berhak

BAHAGIAN III

ANUGERAH ASING

11. Menerima anugerah asing daripada Ketua Negara
12. Menerima dan menggunakan anugerah asing tidak diiktiraf

BAHAGIAN IV

SUAPAN

13. Meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi anugerah tidak diiktiraf

Fasal

14. Meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf
15. Meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi anugerah
16. Meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi anugerah asing tidak diiktiraf

BAHAGIAN V

PELBAGAI

17. Kesalahan di bawah undang-undang Negeri yang dilakukan di luar wilayah Negeri
18. Kuasa membuat peraturan-peraturan
19. Kuasa untuk meminda Jadual

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang berhubungan dengan anugerah dan pemakaian luar wilayah Akta ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan yang berhubungan dengan Anugerah 2016.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Akta ini dan perundangan subsidiarinya hendaklah terpakai kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anugerah asing” ertinya Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang dianugerahkan oleh Ketua Negara dalam Jadual Pertama;

“anugerah asing tidak diiktiraf” ertinya suatu anugerah asing selain yang dianugerahkan oleh Ketua Negara dalam Jadual Pertama;

“anugerah tidak diiktiraf” ertinya suatu anugerah yang berupa sebagai anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Yang di-Pertuan Agong;

“anugerah Yang di-Pertuan Agong” ertinya Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang ditetapkan oleh statut Yang di-Pertuan Agong bagi maksud Persekutuan dan Wilayah-Wilayah Persekutuan;

“istiadat pengurniaan” ertinya penganugerahan anugerah Yang di-Pertuan Agong ke atas orang tertentu oleh Yang di-Pertuan Agong;

“lambang kebesaran” ertinya—

- (a) kalung, selepang, lencana darjah kebesaran, lencana kalung, bintang darjah kebesaran dan lencana leher;
- (b) reben, lencana dan lambang bintang kehormatan; atau
- (c) reben dan pingat;

“Raja” dan “Yang di-Pertua Negeri” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;

“suapan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

BAHAGIAN II

ANUGERAH YANG DI-PERTUAN AGONG

Menerima dan menggunakan anugerah tidak diiktiraf

3. (1) Seseorang tidak boleh menerima suatu anugerah tidak diiktiraf daripada mana-mana orang sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

(2) Seseorang tidak boleh menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan suatu anugerah tidak diiktiraf dalam apa-apa bentuk dan cara.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

MISALAN

A menerima anugerah tidak diiktiraf pada 2010 yang membawa gelaran dan panggilan yang A telah menggunakannya sejak 2010. Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, A dilarang daripada menggunakan gelaran dan panggilan itu. A menggunakan gelaran dan panggilan itu selepas Akta ini mula berkuat kuasa. A melakukan kesalahan.

Menghadiri, dsb., istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf

4. (1) Seseorang tidak boleh menjalankan suatu upacara istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf.

(2) Seseorang tidak boleh menghadiri, mempromosikan atau menyertai dalam suatu upacara istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Membuat, dsb., lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf

5. (1) Seseorang tidak boleh membuat, atau dengan disedarinya melaksanakan mana-mana bahagian daripada proses membuat, lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Membuat, dsb., alat untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf

6. (1) Seseorang tidak boleh membuat atau membaiki, atau melaksanakan mana-mana bahagian daripada proses membuat atau membaiki, atau membeli, menjual, atau melupuskan apa-apa acuan tekan atau alat bagi maksud untuk digunakan, atau mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa acuan tekan atau alat itu dimaksudkan hendak digunakan, bagi maksud membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Memiliki alat atau benda bagi maksud menggunakannya untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf

7. (1) Seseorang tidak boleh ada dalam milikannya apa-apa alat atau benda bagi maksud menggunakannya untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf, atau mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alat atau benda itu dimaksudkan hendak digunakan bagi maksud tersebut.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menyatakan diri sebagai pemegang anugerah Yang di-Pertuan Agong

8. (1) Seseorang tidak boleh menyatakan dirinya sebagai pemegang mana-mana anugerah Yang di-Pertuan Agong yang sah jika dia tidak pernah dianugerahkan anugerah Yang di-Pertuan Agong tersebut.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dibatalkan atau yang ditarik balik

9. (1) Seseorang tidak boleh menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan apa-apa anugerah Yang di-Pertuan Agong yang telah dibatalkan atau ditarik balik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong bilamana tidak berhak

10. (1) Seseorang tidak boleh menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan apa-apa anugerah Yang di-Pertuan Agong dalam apa-apa bentuk dan cara jika orang itu tidak berhak untuk menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan tersebut di bawah statut yang menetapkan anugerah itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

MISALAN

(a) A, pemegang anugerah Yang di-Pertuan Agong berkahwin dengan Z. Z berhak untuk menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan anugerah tersebut semasa perkahwinannya dengan A. A dan Z sekarang telah bercerai dan Z terus menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan anugerah tersebut. Z melakukan kesalahan.

(b) A, pemegang anugerah Yang di-Pertuan Agong berkahwin dengan Z. Z berhak untuk menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan anugerah tersebut semasa perkahwinannya dengan A dan selepas kematian A. Selepas A mati, Z kemudiannya berkahwin semula. Z terus menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan anugerah tersebut. Z melakukan kesalahan.

BAHAGIAN III

ANUGERAH ASING

Menerima anugerah asing daripada Ketua Negara

11. (1) Seseorang warganegara hanya boleh menerima anugerah asing daripada Ketua Negara dalam Jadual Pertama.

(2) Seseorang warganegara kecuali Raja-Raja dan Consort mereka dan Yang di-Pertua Negeri dan Consort mereka hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong sebelum menerima apa-apa anugerah asing.

(3) Seseorang warganegara tidak boleh menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan anugerah asing yang diterima dalam apa-apa bentuk dan cara di dalam Malaysia.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang warganegara yang menerima apa-apa anugerah asing—

(a) bagi keberanian atau perkhidmatan substansial yang diberikan oleh warganegara itu kepada negara yang memberikan anugerah itu boleh memakai anugerah asing yang diterima itu pada semua majlis yang patut di dalam Malaysia; atau

(b) sebagai tanda kehormat hanya boleh memakai anugerah asing yang diterima pada mana-mana majlis yang diadakan di Malaysia oleh seseorang wakil yang diiktiraf bagi negara yang memberikan anugerah dan pemakaian anugerah asing itu dikehendaki bagi majlis itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Menerima dan menggunakan anugerah asing tidak diiktiraf

12. (1) Seseorang warganegara tidak boleh menerima suatu anugerah asing tidak diiktiraf daripada mana-mana orang sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

(2) Seseorang warganegara tidak boleh menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan suatu anugerah asing tidak diiktiraf dalam apa-apa bentuk dan cara.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

MISALAN

A menerima anugerah asing tidak diiktiraf pada 2010 yang membawa gelaran dan panggilan yang A telah menggunakannya sejak 2010. Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, A dilarang daripada menggunakan gelaran dan panggilan itu. A menggunakan gelaran dan panggilan itu selepas Akta ini mula berkuat kuasa. A melakukan kesalahan.

BAHAGIAN IV

SUAPAN

Meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi anugerah tidak diiktiraf

13. (1) Seseorang dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain—

(a) tidak boleh meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau

(b) tidak boleh memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain,

apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan pemberian suatu anugerah tidak diiktiraf kepada mana-mana orang berkaitan pemberian itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “anugerah tidak diiktiraf” termasuklah suatu anugerah yang berupa sebagai Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang ditetapkan oleh statut Raja atau Yang di-Pertua Negeri yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf

14. (1) Seseorang dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain—

- (a) tidak boleh meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau
- (b) tidak boleh memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain,

apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan suatu istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf kepada mana-mana orang berkaitan pemberian itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “anugerah tidak diiktiraf” termasuklah suatu anugerah yang berupa sebagai Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang ditetapkan oleh statut Raja atau Yang di-Pertua Negeri yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi anugerah

15. (1) Seseorang dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain—

- (a) tidak boleh meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau

- (b) tidak boleh memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain,

apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan pemberian apa-apa anugerah kepada mana-mana orang berkaitan pemberian itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “anugerah” ertinya anugerah Yang di-Pertuan Agong atau Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang ditetapkan oleh statut Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

Meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi anugerah asing tidak diiktiraf

16. (1) Seseorang warganegara dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain—

- (a) tidak boleh meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau
- (b) tidak boleh memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain,

apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan pemberian suatu anugerah asing tidak diiktiraf kepada mana-mana warganegara berkaitan pemberian itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Kesalahan di bawah undang-undang Negeri yang dilakukan di luar wilayah Negeri

17. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang Negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kedua di luar wilayah Negeri itu melakukan kesalahan di bawah Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan penalti yang diperuntukkan di bawah undang-undang Negeri itu.

Kuasa membuat peraturan-peraturan

18. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kesan sepenuhnya kepada atau bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk meminda Jadual

19. Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama dan apabila diminta oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri meminda Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 11]

Ketua Negara

<i>Negara</i>	<i>Ketua Negara</i>
<i>Afghanistan</i>	<i>President of the Islamic Republic of Afghanistan</i>
<i>Albania</i>	<i>President of the Republic of Albania</i>
<i>Algeria</i>	<i>Président de la République algérienne démocratique et populaire</i>
<i>Andorra</i>	<i>Co-Princes de la Principauté d'Andorre</i>
<i>Angola</i>	<i>President of the Republic of Angola President of the Popular Movement for the Liberation of Angola (MPLA)</i>
<i>Antigua and Barbuda</i>	<i>Governor-General of Antigua and Barbuda</i>

<i>Negara</i>	<i>Ketua Negara</i>
<i>Argentina</i>	<i>Presidente de la República Argentina</i>
<i>Armenia</i>	<i>President of the Republic of Armenia</i>
<i>Australia</i>	<i>Governor-General of the Commonwealth of Australia</i>
<i>Austria</i>	<i>Federal President of the Republic of Austria</i>
<i>Azerbaijan</i>	<i>President of the Republic of Azerbaijan</i>
<i>Bahamas</i>	<i>Governor-General of the Commonwealth of the Bahamas</i>
<i>Bahrain</i>	<i>King of the Kingdom of Bahrain</i>
<i>Bangladesh</i>	<i>President of the People's Republic of Bangladesh</i>
<i>Barbados</i>	<i>Governor-General of Barbados</i>
<i>Belarus</i>	<i>President of the Republic of Belarus</i>
<i>Belgium</i>	<i>Roi des Belges</i>
<i>Belize</i>	<i>Governor-General of Belize</i>
<i>Benin</i>	<i>Président de la République du Bénin</i>
<i>Bhutan</i>	<i>King of Bhutan</i>
<i>Bolivia (Plurinational State of)</i>	<i>Presidente Constitucional del Estado Plurinacional de Bolivia</i>
<i>Bosnia and Herzegovina</i>	<i>Chairman of the Presidency of Bosnia and Herzegovina</i>
<i>Botswana</i>	<i>President of the Republic of Botswana</i>
<i>Brazil</i>	<i>President of the Federative Republic of Brazil</i>
<i>Brunei Darussalam</i>	<i>Sultan and Yang Di Pertuan of Negara Brunei Darussalam</i>
<i>Bulgaria</i>	<i>President of the Republic of Bulgaria</i>
<i>Burkina Faso</i>	<i>Président du Faso, Président du Conseil des Ministres</i>
<i>Burundi</i>	<i>Président de la République du Burundi</i>
<i>Cabo Verde</i>	<i>Président de la République de Cabo Verde</i>
<i>Cambodia</i>	<i>King of Cambodia</i>
<i>Cameroon</i>	<i>Président de la République du Cameroun</i>
<i>Canada</i>	<i>Governor-General and Commander-in-Chief of Canada</i>
<i>Central African Republic</i>	<i>Chef de l'Etat de la République centrafricaine</i>
<i>Chad</i>	<i>Président de la République du Tchad, Chef de l'Etat</i>

<i>Negara</i>	<i>Ketua Negara</i>
<i>Chile</i>	<i>Presidenta de la República de Chile</i>
<i>China</i>	<i>President of the People's Republic of China</i>
<i>Columbia</i>	<i>Presidente de la República de Colombia</i>
<i>Comoros</i>	<i>Président de l'Union des Comores</i>
<i>Congo</i>	<i>Président de la République du Congo</i>
<i>Costa Rica</i>	<i>Presidente de la República de Costa Rica</i>
<i>Cote d'Ivoire</i>	<i>Président de la République de Côte d'Ivoire</i>
<i>Croatia</i>	<i>President of the Republic of Croatia</i>
<i>Cuba</i>	<i>Presidente de los Consejos de Estado y de Ministros de la República de Cuba</i>
<i>Cyprus</i>	<i>President of the Republic of Cyprus</i>
<i>Czech Republic</i>	<i>President of the Czech Republic</i>
<i>Democratic People's Republic of Korea</i>	<i>Chairman of the Workers' Party of Korea, Chairman of the State Affairs Commission of the Democratic People's Republic of Korea, Supreme Commander of the Korean People's Army</i>
<i>Democratic Republic of The Congo</i>	<i>Président de la République démocratique du Congo</i>
<i>Denmark</i>	<i>Queen Margrethe II</i>
<i>Djibouti</i>	<i>Président de la République de Djibouti et Chef du Gouvernement</i>
<i>Dominica</i>	<i>President of the Commonwealth of Dominica</i>
<i>Dominican Republic</i>	<i>Presidente de la República Dominicana</i>
<i>Ecuador</i>	<i>Presidente Constitucional de la República del Ecuador</i>
<i>Egypt</i>	<i>President of the Arab Republic of Egypt</i>
<i>El Salvador</i>	<i>Presidente de la República de El Salvador</i>
<i>Equatorial Guinea</i>	<i>Presidente de la República de Guinea Ecuatorial, Jefe de Estado</i>
<i>Eritrea</i>	<i>President of the State of Eritrea</i>
<i>Estonia</i>	<i>President of the Republic of Estonia</i>
<i>Ethiopia</i>	<i>President of the Federal Democratic Republic of Ethiopia</i>
<i>Fiji</i>	<i>President of the Republic of Fiji</i>
<i>Finland</i>	<i>President of the Republic of Finland</i>
<i>France</i>	<i>Président de la République française</i>

<i>Negara</i>	<i>Ketua Negara</i>
<i>Gabon</i>	<i>Président de la République gabonaise</i>
<i>Gambia</i>	<i>President of the Republic of the Islamic Republic of The Gambia</i>
<i>Georgia</i>	<i>President of Georgia</i>
<i>Germany</i>	<i>President of the Federal Republic of Germany</i>
<i>Ghana</i>	<i>President of the Republic of Ghana</i>
<i>Greece</i>	<i>President of the Hellenic Republic</i>
<i>Grenada</i>	<i>Governor-General of Grenada</i>
<i>Guatemala</i>	<i>Presidente de la República de Guatemala</i>
<i>Guinea</i>	<i>Président de la République de Guinée</i>
<i>Guinea-Bissau</i>	<i>Président de la République de Guinée- Bissau</i>
<i>Guyana</i>	<i>President of the Republic of Guyana</i>
<i>Haiti</i>	<i>Président Provisoire de la République d'Haïti</i>
<i>Holy See</i>	<i>Pope Francis</i>
<i>Honduras</i>	<i>Presidente de la República de Honduras</i>
<i>Hungary</i>	<i>President of Hungary</i>
<i>Iceland</i>	<i>President of the Republic of Iceland</i>
<i>India</i>	<i>President of the Republic of India</i>
<i>Indonesia</i>	<i>President of the Republic of Indonesia</i>
<i>Iran (Islamic Republic of)</i>	<i>President of the Islamic Republic of Iran</i>
<i>Iraq</i>	<i>President of the Republic of Iraq</i>
<i>Ireland</i>	<i>President of Ireland</i>
<i>Italy</i>	<i>Président de la République italienne</i>
<i>Jamaica</i>	<i>Governor-General of Jamaica</i>
<i>Japan</i>	<i>The Emperor of Japan</i>
<i>Jordan</i>	<i>King of the Hashemite Kingdom of Jordan</i>
<i>Kazakhstan</i>	<i>President of the Republic of Kazakhstan</i>
<i>Kenya</i>	<i>President and Commander-in-Chief of the Defence Forces of the Republic of Kenya</i>
<i>Kiribati</i>	<i>President, Head of Government and Minister for Foreign Affairs and Immigration of the Republic of Kiribati</i>
<i>Kuwait</i>	<i>Amir of the State of Kuwait</i>
<i>Kyrgyzstan</i>	<i>President of the Kyrgyz Republic</i>
<i>Lao People's Democratic Republic</i>	<i>President of the Lao People's Democratic Republic</i>
<i>Latvia</i>	<i>President of the Republic of Latvia</i>

<i>Negara</i>	<i>Ketua Negara</i>
<i>Lebanon</i>	<i>Président de la République libanaise</i>
<i>Lesotho</i>	<i>King of the Kingdom of Lesotho</i>
<i>Liberia</i>	<i>President of the Republic of Liberia</i>
<i>Libya</i>	<i>President of the Presidency Council of the Government of National Accord of Libya</i>
<i>Liechtenstein</i>	<i>Reigning Prince</i>
<i>Lithuania</i>	<i>President of the Republic of Lithuania</i>
<i>Luxembourg</i>	<i>Le Grand-Duc de Luxembourg</i>
<i>Madagascar</i>	<i>Président de la République de Madagascar</i>
<i>Malawi</i>	<i>President of the Republic of Malawi, Minister for Defense and Commander-in-Chief of the Malawi Defense Force and the Malawi Police Service</i>
<i>Maldives</i>	<i>President of the Republic of Maldives</i>
<i>Mali</i>	<i>Président de la République du Mali</i>
<i>Malta</i>	<i>President of the Republic of Malta</i>
<i>Marshall Islands</i>	<i>President of the Republic of the Marshall Islands</i>
<i>Mauritania</i>	<i>Président de la République islamique de Mauritanie</i>
<i>Mauritius</i>	<i>President of the Republic of Mauritius</i>
<i>Mexico</i>	<i>Presidente de los Estados Unidos Mexicanos</i>
<i>Micronesia (Federated States of)</i>	<i>President and Head of Government of the Federated States of Micronesia</i>
<i>Monaco</i>	<i>Prince Souverain de Monaco</i>
<i>Mongolia</i>	<i>President of Mongolia</i>
<i>Montenegro</i>	<i>President of Montenegro</i>
<i>Morocco</i>	<i>Roi du Maroc</i>
<i>Mozambique</i>	<i>President of the Republic of Mozambique</i>
<i>Myanmar</i>	<i>President of the Republic of the Union of Myanmar</i>
<i>Namibia</i>	<i>President of the Republic of Namibia</i>
<i>Nauru</i>	<i>President of the Republic of Nauru</i>
<i>Nepal</i>	<i>President of the Federal Democratic Republic of Nepal</i>
<i>Netherlands</i>	<i>King Willem-Alexander of the Netherlands</i>
<i>New Zealand</i>	<i>Governor-General of New Zealand</i>
<i>Nicaragua</i>	<i>Presidente de la República de Nicaragua</i>

<i>Negara</i>	<i>Ketua Negara</i>
<i>Niger</i>	<i>Président de la République du Niger</i>
<i>Nigeria</i>	<i>President of the Federal Republic of Nigeria</i>
<i>Norway</i>	<i>King Harald V</i>
<i>Oman</i>	<i>Sultan Qaboos bin Said</i>
<i>Pakistan</i>	<i>President of the Islamic Republic of Pakistan</i>
<i>Palau</i>	<i>President of the Republic of Palau</i>
<i>Panama</i>	<i>Presidente de la República de Panamá</i>
<i>Papua New Guinea</i>	<i>Governor-General of the Independent State of Papua New Guinea</i>
<i>Paraguay</i>	<i>Presidente de la República del Paraguay</i>
<i>Peru</i>	<i>Presidente de la República del Perú</i>
<i>Philippines</i>	<i>President of the Republic of the Philippines</i>
<i>Poland</i>	<i>President of the Republic of Poland</i>
<i>Portugal</i>	<i>President of the Republic of Portugal</i>
<i>Qatar</i>	<i>Amir of the State of Qatar</i>
<i>Republic of Korea</i>	<i>President of the Republic of Korea</i>
<i>Republic of Moldova</i>	<i>President of the Republic of Moldova</i>
<i>Romania</i>	<i>Président de la Roumanie</i>
<i>Russian Federation</i>	<i>President of the Russian Federation</i>
<i>Rwanda</i>	<i>Président de la République du Rwanda</i>
<i>Saint Kitts and Nevis</i>	<i>Governor-General of Saint Kitts and Nevis</i>
<i>Saint Lucia</i>	<i>Governor-General of Saint Lucia</i>
<i>Saint Vincent and the Grenadines</i>	<i>Governor-General of Saint Vincent and the Grenadines</i>
<i>Samoa</i>	<i>Head of State of the Independent State of Samoa</i>
<i>San Marino</i>	<i>Captains Regent of the Republic of San Marino</i>
<i>Sao Tome and Principe</i>	<i>Président de la République démocratique de Sao Tomé et Principe</i>
<i>Saudi Arabia</i>	<i>King of Saudi Arabia and Prime Minister of the Kingdom of Saudi Arabia</i>
<i>Senegal</i>	<i>Président de la République du Sénégal</i>
<i>Serbia</i>	<i>President of the Republic of Serbia</i>
<i>Seychelles</i>	<i>President of the Republic of Seychelles</i>
<i>Sierra Leone</i>	<i>President of the Republic of Sierra Leone</i>
<i>Singapore</i>	<i>President of the Republic of Singapore</i>

<i>Negara</i>	<i>Ketua Negara</i>
<i>Slovakia</i>	<i>President of the Slovak Republic</i>
<i>Slovenia</i>	<i>President of the Republic of Slovenia</i>
<i>Solomon Islands</i>	<i>Governor-General of Solomon Islands</i>
<i>Somalia</i>	<i>President of the Federal Republic of Somalia</i>
<i>South Africa</i>	<i>President of the Republic of South Africa</i>
<i>South Sudan</i>	<i>President of the Republic of South Sudan</i>
<i>Spain</i>	<i>Rey de España or Sus Majestades el Rey y la Reina de España</i>
<i>Sri Lanka</i>	<i>President of the Democratic Socialist Republic of Sri Lanka</i>
<i>State of Palestine</i>	<i>President of the State of Palestine</i>
<i>Sudan</i>	<i>President of the Republic of Sudan</i>
<i>Suriname</i>	<i>President of the Republic of Suriname</i>
<i>Swaziland</i>	<i>Head of State of the Kingdom of Swaziland</i>
<i>Sweden</i>	<i>King Carl XVI Gustaf</i>
<i>Switzerland</i>	<i>Président de la Confédération suisse</i>
<i>Syrian Arab Republic</i>	<i>President of the Syrian Arab Republic</i>
<i>Tajikistan</i>	<i>President of the Republic of Tajikistan</i>
<i>Thailand</i>	<i>Chairman of the King's Privy Council</i>
<i>The Former Yugoslav Republic of Macedonia</i>	<i>President of the former Yugoslav Republic of Macedonia</i>
<i>Timor-Leste</i>	<i>President of the Democratic Republic of Timor-Leste</i>
<i>Togo</i>	<i>Président de la République togolaise et Ministre de la Défense nationale et des anciens Combattants</i>
<i>Tonga</i>	<i>King of the Kingdom of Tonga</i>
<i>Trinidad and Tobago</i>	<i>President of the Republic of Trinidad and Tobago</i>
<i>Tunisia</i>	<i>Président de la République tunisienne</i>
<i>Turkey</i>	<i>President of the Republic of Turkey</i>
<i>Turkmenistan</i>	<i>President of Turkmenistan</i>
<i>Tuvalu</i>	<i>Governor-General of Tuvalu</i>
<i>Uganda</i>	<i>President of the Republic of Uganda</i>
<i>Ukraine</i>	<i>President of Ukraine</i>
<i>United Arab Emirates</i>	<i>President of the United Arab Emirates</i>
<i>United Kingdom</i>	<i>Queen Elizabeth II</i>
<i>United Republic of Tanzania</i>	<i>President of the United Republic of Tanzania</i>

<i>Negara</i>	<i>Ketua Negara</i>
<i>United States of America</i>	<i>President of the United States of America</i>
<i>Uruguay</i>	<i>Presidente de la República Oriental del Uruguay</i>
<i>Uzbekistan</i>	<i>President of the Republic of Uzbekistan</i>
<i>Vanuatu</i>	<i>President of the Republic of Vanuatu</i>
<i>Venezuela (Bolivarian Republic of)</i>	<i>Presidente de la República Bolivariana de Venezuela</i>
<i>Viet Nam</i>	<i>President of the Socialist Republic of Viet Nam</i>
<i>Yemen</i>	<i>President of the Republic of Yemen</i>
<i>Zambia</i>	<i>President of the Republic of Zambia</i>
<i>Zimbabwe</i>	<i>President of the Republic of Zimbabwe</i>

JADUAL KEDUA

[Seksyen 17]

Undang-Undang Negeri

HURAIAN

Akta Kesalahan yang berhubungan dengan Anugerah 2016 yang dicadangkan ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mewujudkan kesalahan yang berhubungan dengan anugerah. Disebabkan oleh penganugerahan gelaran dan kebesaran yang semakin menjadi-jadi oleh orang tanpa kuasa daripada segi perlembagaan dan penganugerahan gelaran dan kebesaran oleh orang selain Ketua Negara negara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mengekang aktiviti tersebut sebagai tanda pengiktirafan keistimewaan berdaulat Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja atau Yang di-Pertua Negeri. Akta yang dicadangkan akan memenuhi semua aspek kesalahan yang berhubungan dengan anugerah Yang di-Pertuan Agong, Raja dan Yang di-Pertua Negeri dan Ketua Negara asing.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan. Akta ini dan perundangan subsidiarinya hendaklah terpakai kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan anugerah Yang di-Pertuan Agong.

6. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menerima dan menggunakan anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada menerima suatu anugerah tidak diiktiraf daripada mana-mana orang sama ada di dalam atau di luar Malaysia dan menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan suatu anugerah tidak diiktiraf dalam apa-apa bentuk dan cara. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun.

7. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menghadiri, dsb., istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada menjalankan upacara istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf, atau menghadiri, mempromosikan atau menyertai dalam suatu upacara istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

8. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuat, dsb., lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada membuat, atau dengan disedarinya melaksanakan mana-mana bahagian daripada proses membuat, lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

9. *Fasal 6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuat, dsb., alat untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada membuat atau membaiki, atau melaksanakan mana-mana bahagian daripada proses membuat atau membaiki, atau membeli, menjual, atau melupuskan apa-apa acuan tekan atau alat bagi maksud untuk digunakan, atau mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa acuan tekan atau alat itu dimaksudkan hendak digunakan, bagi maksud membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

10. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan memiliki alat atau benda bagi maksud menggunakannya untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dilarang daripada ada dalam milikannya apa-apa alat atau benda bagi maksud menggunakannya untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf, atau mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alat atau benda itu dimaksudkan hendak digunakan bagi maksud tersebut. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

11. *Fasal 8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menyatakan diri sebagai pemegang anugerah Yang di-Pertuan Agong. Seseorang dilarang daripada menyatakan dirinya sebagai pemegang mana-mana anugerah Yang

di-Pertuan Agong yang sah jika dia tidak pernah dianugerahkan anugerah Yang di-Pertuan Agong tersebut. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun.

12. *Fasal 9* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dibatalkan atau yang ditarik balik. Seseorang dilarang daripada menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan apa-apa anugerah Yang di-Pertuan Agong yang telah dibatalkan atau ditarik balik oleh Yang di-Pertuan Agong. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun.

13. *Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menggunakan anugerah Yang di-Pertuan Agong bilamana tidak berhak. Seseorang dilarang daripada menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan apa-apa anugerah Yang di-Pertuan Agong dalam apa-apa bentuk dan cara jika orang itu tidak layak menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan tersebut. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

BAHAGIAN III

14. Bahagian III mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan anugerah asing.

15. *Fasal 11* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menerima anugerah daripada Ketua Negara tanpa kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong. Seseorang warganegara kecuali Raja-Raja dan Konsort mereka dan Yang di-Pertua Negeri dan Konsort mereka dilarang daripada menerima apa-apa anugerah asing tanpa mendapatkan kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun, warganegara itu dilarang daripada menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan anugerah asing yang diterima daripada mana-mana Ketua Negara dalam apa-apa bentuk dan cara dalam Malaysia, kecuali bagi anugerah asing bagi keberanian atau perkhidmatan substansial dan anugerah asing bagi tanda kehormat. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

16. *Fasal 12* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menerima dan menggunakan anugerah asing tidak diiktiraf. Seseorang warganegara dilarang daripada menerima suatu anugerah asing tidak diiktiraf daripada mana-mana orang sama ada di dalam atau di luar Malaysia dan menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan suatu anugerah asing tidak diiktiraf dalam apa-apa bentuk dan cara. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun.

BAHAGIAN IV

17. Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan suapan.

18. *Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang

lain, dilarang daripada meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain, atau memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain, apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan pemberian anugerah tidak diiktiraf kepada mana-mana orang berkaitan pemberian itu. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi dua puluh tahun. Seksyen yang dicadangkan meliputi kedua-dua anugerah yang berupa sebagai anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Yang di-Pertuan Agong atau anugerah yang berupa sebagai Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang ditetapkan oleh statut Raja atau Yang di-Pertua Negeri yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

19. *Fasal 14* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf. Seseorang dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain, dilarang daripada meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain, atau memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain, apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf kepada mana-mana orang berkaitan pemberian itu. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi dua puluh tahun. Seksyen yang dicadangkan meliputi kedua-dua anugerah yang berupa sebagai anugerah Yang di-Pertuan Agong yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Yang di-Pertuan Agong atau anugerah yang berupa sebagai Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang ditetapkan oleh statut Raja atau Yang di-Pertua Negeri yang dianugerahkan oleh mana-mana orang selain Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

20. *Fasal 15* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi anugerah. Seseorang dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain, dilarang daripada meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain, atau memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain, apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan pemberian apa-apa anugerah kepada mana-mana orang berkaitan pemberian itu. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi dua puluh tahun. Seksyen yang dicadangkan terpakai bagi anugerah Yang di-Pertuan Agong atau Darjah Kebesaran, Bintang Kehormatan dan Pingat yang sah yang ditetapkan oleh statut Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

21. *Fasal 16* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan meminta, menerima, memberi, dsb., suapan bagi anugerah asing tidak diiktiraf. Seseorang warganegara dengan sendiri, atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain, dilarang daripada meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain, atau memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah

orang itu atau orang lain, apa-apa suapan sebagai balasan atau dorongan atau hadiah untuk mendapatkan atau membantu atau berusaha untuk mendapatkan pemberian anugerah asing tidak diiktiraf kepada mana-mana warganegara berkaitan pemberian itu. Kesalahan yang dicadangkan membawa hukuman penjara tidak melebihi dua puluh tahun.

BAHAGIAN V

22. Bahagian V memperkatakan perkara pelbagai.

23. *Fasal 17* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang Negeri di luar wilayah Negeri itu. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang Negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kedua di luar wilayah Negeri itu melakukan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan penalti yang diperuntukkan di bawah undang-undang Negeri itu.

24. *Fasal 18* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta yang dicadangkan.

25. *Fasal 19* bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk meminda Jadual Pertama dan apabila diminta oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri meminda Jadual Kedua di bawah Akta yang dicadangkan melalui perintah dalam *Warta*.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2903E/K]